



# SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2003

**KUKUM** telah melangsungkan Bulan Kemerdekaan selama sebulan bermula dari 17 Ogos sehingga 16 September 2003. Sebanyak 13 aktiviti dijalankan sepanjang bulan tersebut yang bukan sekadar melibatkan warga KUKUM tetapi turut melibatkan penduduk-penduduk sekitar negeri Perlis, malah terdapat juga aktiviti yang dijalankan secara bersama dengan kerajaan negeri Perlis sendiri. Program yang dijalankan ini merupakan salah satu agenda yang direncanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu usaha memupuk semangat patriotisme dan cintakan Negara di kalangan warga institusi pendidikan tinggi tidak kira sama ada pelajar maupun kakitangannya.

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat KUKUM yang diadakan pada 18 Ogos merupakan pemuluan aktiviti sambutan bulan Kemerdekaan yang dihadiri hampir 500 orang kakitangan dan pelajar KUKUM. Kempen kibar jalur gemilang ini menyaksikan hampir 3,000 jalur gemilang pelbagai saiz dikibarkan disemua lokasi dan premis di sekitar kampus bermula pada 16 Ogos.

Pelbagai pertandingan pada peringkat KUKUM turut dianjurkan oleh jabatan-jabatan dan juga

jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang telah dilantik bagi memeriahkan lagi Sambutan Bulan Kemerdekaan 2003. Antara pertandingan yang mendapat sambutan ialah pertandingan mencipta jalur gemilang menggunakan barang-barang terpakai yang melibatkan persaingan yang begitu sengit di mana setiap jabatan mempamerkan kreativiti tersendiri diluar jangkaan para pengadil. Selain itu, jabatan Perpustakaan turut menganjurkan pertandingan peraduan teka silang kata yang menguji minda warga KUKUM terutamanya dalam pengetahuan sejarah kemerdekaan dan upacara mendeklamasi sajak oleh wakil daripada setiap jabatan pada setiap hari senamrobit (Khamis/Sabtu). Unit sukan turut memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan dengan menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup dan Jemputan KUKUM yang diadakan dari 24 hingga 26 Ogos 2003 dan disertai seramai 100 orang yang terdiri daripada warga KUKUM dan jemputan.

Pelajar-pelajar KUKUM turut mencipta sejarah dengan melancarkan Jalur Gemilang terpanjang di negeri Perlis iaitu sepanjang 273 meter yang dijahit sendiri oleh pelajar-pelajar dan kakitangan Kolej Kediaman.